

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]**

**SOALAN :**

**Dato' Othman Bin Aziz [Jerlun]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah usahawan Bumiputera berasaskan pembangunan teknologi yang telah dikenal pasti layak untuk menerima Dana Teknologi Bumiputera (BTF) kerjasama dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan apakah bentuk kerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan bagi memaksimumkan potensi usahawan Bumiputera dalam bidang teknologi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perencanaan dan potensi program Dana Teknologi Bumiputera (BTF) ini telah mengenal pasti sejumlah 655 syarikat teknologi Bumiputera yang layak untuk memohon daripada jumlah keseluruhan 1083 syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan TERAJU di bawah program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB). Perniagaan Syarikat Bumiputera yang layak ini adalah berasaskan teknologi, khususnya di dalam sektor teknologi maklumat & komunikasi, bioteknologi, teknologi hijau dan teknologi baru muncul sepertimana sektor-sektor yang dimandatkan kepada *Malaysia Debt Ventures Berhad* (MDV). Program ini dilaksanakan melalui kerjasama di antara TERAJU dan MDV.

Bagi memaksimumkan potensi usahawan Bumiputera dalam bidang teknologi, TERAJU melaksanakan langkah-langkah seperti berikut melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan: -

1. Melaksanakan program SUPERB bagi usahawan Bumiputera bagi meningkatkan daya inovasi dan penggunaan teknologi, dan menghasilkan golongan tekno-usahawan Bumiputera. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan kepada program ini bagi tempoh 3 tahun untuk membiayai syarikat-syarikat permulaan (atau *start up companies*), yang baru memulakan perniagaan mereka. Ianya juga bertujuan untuk mengkomersilkan idea-idea perniagaan yang inovatif dan kreatif yang

boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sehingga 31 Januari 2016, seramai 92 usahawan yang berdaya saing telah terpilih untuk menerima geran SUPERB bernilai RM46 juta secara keseluruhan bagi tahun 2014 dan 2015

2. Menyediakan usaha sokongan dan panduan kepada usahawan SUPERB untuk mengukuhkan keupayaan kewangan dan pengurusan melalui 10 buah agensi pelaksana program SUPERB seperti MDV, CRADLE, MAVCAP, TPM dan bagi penyediaan latihan keusahawanan Bumiputera pula, TERAJU sedang melaksanakan program pembinaan kapasiti melalui INSKEN, serta;

3. Mengadakan program BTF untuk menawarkan kemudahan pembiayaan projek, pembelian asset atau modal pusingan bagi membolehkan pertumbuhan korporat seterusnya.

Dengan mengadakan program geran dan pembiayaan awalan, syarikat-syarikat SUPERB akan membina latarbelakang kredit dan *track record* kukuh untuk memohon dan mendapatkan pinjaman seterusnya dari Malaysia Debt Ventures Berhad atau institusi-institusi kewangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesediaan Kementerian bersama-sama dengan pemaju swasta bagi menambah bilangan Projek Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) agar projek ini dapat diperluas ke seluruh bandar-bandar besar di negara ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) menawarkan insentif sebanyak RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli rumah dan juga pemaju swasta yang bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam penyediaan rumah Skim *MyHome*. Pada masa ini, Kerajaan Pusat telah menyediakan

peruntukan sebanyak RM300 juta kepada Kementerian bagi pembinaan 10,000 unit rumah Skim *MyHome* di seluruh negara.

Sehingga 10 Mei 2016, pihak Kementerian telah memberi kelulusan kepada 39 pemaju bagi 41 projek *MyHome* yang merangkumi sebanyak 9,571 unit rumah di seluruh negara. Kementerian akan terus komited untuk melaksanakan Skim *MyHome* pada masa akan datang sekiranya permohonan yang diterima sangat memberansangkan dan juga terdapat pertambahan permohonan pemajuan projek *MyHome* oleh pemaju swasta.

Walau bagaimanapun perancangan pelaksanaan Skim *MyHome* ini adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan kepada Kementerian.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
DARIPADA [ JERLUN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk usaha sama Kementerian dengan 'stake holder' dan golongan berkepentingan agar mutu atlet di sekolah-sekolah sukan di negara ini terus diambil perhatian dan apakah penanda aras untuk mengukur potensi mereka bagi memastikan mereka memaksimumkan peluang yang diberikan di sekolah berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk meningkatkan mutu sukan atlet murid khususnya di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dengan menjalin jaringan kerjasama yang berterusan bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK), rakan penaja dan juga ibu bapa atlet murid.

Kerjasama ini dapat membantu atlet murid dalam program pembangunan sukan di mana agensi-agensi luar berfungsi menyediakan tenaga pakar serta jurulatih berkelayakan untuk membimbing atlet murid semasa sesi latihan dijalankan serta dalam penyertaan di kejohanan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain itu, agensi berkaitan juga telah memberi bantuan dan kerjasama dalam aspek penyediaan kemudahan dan prasarana latihan serta kepakaran rawatan kecederaan

sukan disamping menerapkan bidang sains sukan dalam kalangan atlet murid sepanjang latihan yang dijalankan.

Sehingga kini Sekolah Sukan Malaysia (SSM) telah menyumbang kejayaan negara di peringkat dunia. Di antaranya ialah seramai 51 orang atlet murid kelahiran SSM telah dipilih menyertai Sukan Olimpik sejak tahun 2000 hingga 2012. Kejayaan atlet murid seperti Pandelega Rinong ak Pamg dalam sukan terjun yang berjaya membawa pingat gangsa semasa Olimpik London 2012 telah mengharumkan nama negara di persada dunia.

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) juga telah memilih seramai 211 atlet yang telah melepasi masa dan jarak untuk menyertai Sukan Komanwel dari tahun 1998 hingga 2014. Sebanyak 11 pingat emas, 10 perak dan 15 gangsa telah dicapai oleh atlet murid dan bekas atlet murid SSM. Selain itu, SSM juga telah berjaya membantu negara dengan membawa pulang tujuh (7) pingat emas, 22 perak dan 16 gangsa sepanjang Sukan ASIA iaitu dari tahun 2002 hingga 2014.

Bagi Sukan SEA pula sejak tahun 1997 hingga 2015, SSM telah menghantar seramai 1059 atlet murid yang berjaya meraih 218 pingat Emas, 166 perak dan 187 gangsa. Bagi Sukan Olimpik 2016, seramai 16 orang bekas dan juga atlet murid SSM telah berjaya dipilih untuk mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik 2016.

Kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi berkaitan seperti KBS, MSN, MOM, ISN, PSK serta ibu bapa atlet murid yang banyak membantu dalam melahirkan atlet murid cemerlang di SSM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah keseluruhan permohonan yang diterima oleh Kementerian bagi Skim MyDeposit dan sejauh manakah implimentasi ke atas skim ini berjaya.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi Skim MyDeposit untuk tahun 2016 yang akan memberi faedah pembeli rumah pertama yang berkelayakan.

Untuk rekod, dari 6 April 2016 sehingga 30 April 2016, Kementerian telah menerima sebanyak 3,609 permohonan yang lengkap.